

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)**

**TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memudahkan proses permohonan kemasukan sekolah termasuk pembaharuan setiap tahun (untuk anak bukan warganegara) bagi sekolah bantuan Kerajaan dan swasta memandangkan ia adalah secara manual bermula dari mengisi borang fizikal dan pembayaran menggunakan wang pos setakat ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelayakan permohonan dan proses penerimaan masuk kanak-kanak bukan warganegara ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

KPM menyedari bahawa salah satu langkah pencegahan pandemik COVID-19 yang melanda negara adalah mengurangkan pelaksanaan aktiviti secara bersemuka. Sehubungan dengan itu, mulai bulan Januari 2022, borang Jadual Pertama P.U.(A)275 (Permohonan Penerimaan Masuk Murid Bukan Warganegara Ke Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan) yang

## **SOALAN NO : 30**

wajib diisi bagi permohonan kemasukan murid bukan warganegara ke sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan boleh diperolehi di portal rasmi KPM selain daripada semua jabatan pendidikan negeri (JPN). Pemohon juga boleh mengembalikan borang berkenaan yang telah dilengkapkan melalui emel ke JPN. Borang permohonan berkenaan hanya perlu dilengkapkan sekali sahaja. Pegawai yang bertanggungjawab di JPN akan menghubungi pemohon bagi menetapkan tarikh untuk pemohon hadir bagi tujuan semakan dokumen-dokumen asal seperti pasport, permit kerja dan pas pengajian. Semakan ini perlu dilakukan untuk memastikan hanya mereka yang memenuhi kategori yang dibenarkan sahaja dipertimbangkan untuk kelulusan. Keputusan permohonan juga akan dimaklumkan melalui emel kepada pemohon.

Berhubung kaedah pembayaran fi secara wang pos, KPM ingin memaklumkan bahawa pembayaran juga boleh dibuat secara tunai. Pembaharuan pendaftaran pula hanya dilaksanakan melalui pembayaran fi pada setiap awal tahun. Walau bagaimanapun, KPM meneliti cadangan untuk menyediakan kaedah pembayaran yang lebih mudah iaitu secara dalam talian.

Proses permohonan kemasukan murid ke sekolah swasta pula boleh dilakukan secara manual atau dalam talian bergantung kepada kaedah yang ditentukan oleh sekolah masing-masing. Terdapat sekolah swasta yang menyediakan kemudahan permohonan kemasukan secara dalam talian termasuk urusan pendaftaran dan pembayaran.

KPM yakin syarat-syarat kelayakan dan prosedur permohonan sedia ada tidak akan menimbulkan sebarang kesulitan kepada pemohon. KPM juga akan meneliti dan menambahbaik proses sedia ada dari semasa ke semasa.